

Ekuinas melabur RM400j dalam dua syarikat

Oleh **AZMAN IBRAHIM**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 21 Ogos - Ekuiti Nasional Bhd. (Ekuinas), sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan melabur hampir RM400 juta dalam dua syarikat naungannya iaitu Orkim Sdn. Bhd. (Orkim) dan Coolblog Sdn. Bhd. (Coolblog), bagi mengembangkan portfolio minyak dan gas (O&G) serta makanan dan minuman (F&B).

Pengerusi Ekuinas, Tan Sri Raja Arshad Raja Tun Uda (**gambar**) berkata, beliau berasa gembira dengan pelaburan di dalam Orkim yang mempunyai pengurusan mantap dan mencatatkan rekod pertumbuhan cemerlang.



ekuinas
EKUITI NASIONAL BERHAD

Katanya, pelaburan ini juga menandakan penglibatan sulung Ekuinas dalam industri pengangkutan petroleum yang mempunyai ciri pertumbuhan industri menggalakkan, terutamanya

dalam pengangkutan gas petroleum cecair, sebuah bidang yang kini dikuasai oleh syarikat asing.

“Selain itu, pelaburan ini memberi landasan kepada Ekuinas untuk membangunkan Orkim menjadi sebuah kumpulan pengangkutan petroleum dan logistik serantau terkemuka pada masa hadapan.

“Ini adalah selaras dengan matlamat Ekuinas untuk mentransformasikan syarikat Malaysia bersaiz sederhana menjadi syarikat peraju pasaran pada masa akan datang,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ekuinas melabur sebanyak RM346.3 juta untuk memperoleh sehingga 95.5 peratus kepentingan dalam Orkim, salah sebuah syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) terkemuka di Malaysia.

Orkim yang diasaskan pada 2004 sebagai perniagaan broker kapal, telah mencatat rekod pencapaian kukuh dan kini memiliki serta mengurus 11 buah kapal dengan hasil dan keuntungan selepas cukai (PAT) selepas pengecualian perkara luar biasa masing-masing berjumlah RM136.4 juta dan RM33.5 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.